Sorotan Penting

Tinjauan Kestabilan Kewangan – Separuh Kedua 2023

Kestabilan kewangan domestik terus terpelihara meskipun pasaran global tidak menentu

Tekanan pasaran reda pada bulan Disember berikutan jangkaan yang semakin meningkat bahawa haluan dasar monetari AS mungkin akan berubah tidak lama lagi

Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (FMSI)

Tahap tekanan, % (Minimum=0, Maksimum=100)



Keadaan pasaran domestik yang teratur terus terpelihara, disokong oleh beberapa faktor utama

- Pasaran modal domestik yang kukuh dan cair
- Pengurusan risiko pasaran dan strategi lindung nilai yang aktif oleh institusi kewangan
- Pelabur institusi domestik yang berdaya tahan
- Kesan pergerakan kadar pertukaran yang terurus terhadap bank, perniagaan dan institusi kewangan bukan bank

Permodalan institusi kewangan kekal kukuh dengan penampan yang teguh untuk menyokong pengantaraan kewangan

Bank terus mengekalkan penampan modal dan mudah tunai yang kukuh serta mempunyai penampan peruntukan yang berhemat

18.5%
Nisbah Jumlah Modal
(Jun 2023: 18.8%)

160.9%
Nisbah Perlindungan Mudah Tunai
(Jun 2023: 154.7%)

118.2%
Nisbah Pendanaan Stabil Bersih
(Jun 2023: 117%)

119%
Nisbah Perlindungan Kerugian Pinjaman[1]
(Jun 2023: 118.6%)

Tahap permodalan penanggung insurans dan pengendali takaful kekal kukuh, melebihi paras minimum pengawalseliaan

RM38.6 bilion
Penampan Modal Lebihan
(Jun 2023: RM38.9 bilion)

222.2%
Nisbah Kecukupan Modal
(Jun 2023: 226.4%)

Keupayaan bayaran balik hutang oleh isi rumah dan perniagaan terus terpelihara

Isi rumah

Keupayaan isi rumah membayar hutang kekal disokong oleh pasaran pekerja yang menggalakkan dan pertumbuhan gaji

- **35%** Median Nisbah Khidmat Hutang Terkumpul *(Jun 2023: 35%)*
- **1.4x** Median Nisbah Hutang kepada Pendapatan *(Jun 2023: 1.4x)*
- **4.8%** Nisbah Pinjaman Tahap 2 *(Jun 2023: 4.3%)*
- **1.6%** Pinjaman di bawah Bantuan Bayaran Balik Pinjaman *(Jun 2023: 1.8%)*

Perniagaan

Perniagaan kekal berdaya tahan dalam keadaan rintangan operasi yang berlarutan

- **5.7x** Nisbah Perlindungan Faedah *(Jun 2023: 5.6x)*
- **26.2%** Bahagian Syarikat yang Berisiko (Keseluruhan Perniagaan) *(Jun 2023: 29.2%)*
- **12.4%** Nisbah Pinjaman Tahap 2 *(Jun 2023: 13.8%)*
- **5.4%** Pinjaman PKS di bawah Bantuan Bayaran Balik Pinjaman *(Jun 2023: 5.5%)*

[1] Termasuk rizab pengawalseliaan.

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bloomberg, Reuters dan S&P Capital IQ

Ujian tekanan mengesahkan keupayaan institusi kewangan untuk menghadapi kejutan yang teruk dan menyokong pemulihan ekonomi

Dua senario buruk yang lebih teruk daripada pandemik pada tahun 2020 digunakan untuk menilai daya tahan institusi kewangan

Senario Buruk 1 — Penguncupan KDNK yang ketara disusuli oleh pemulihan ekonomi yang pantas

Senario Buruk 2 — Penguncupan KDNK yang lebih sederhana tetapi berpanjangan disusuli oleh pemulihan ekonomi yang lembap

Risiko kredit dan pasaran kekal menjadi pendorong utama kerugian bagi sistem perbankan dan sektor insurans...

Pendorong Utama Kerugian di bawah Senario Buruk 2 (SB2) (2024*u* -2026*u*)



...tetapi nisbah modal selepas kejutan kekal melebihi paras minimum pengawalseliaan

Bank-bank: Nisbah Jumlah Modal di bawah SB2



Penanggung Insurans: Nisbah Kecukupan Modal di bawah SB2



Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Rencana: Kepentingan Memperkukuh Pengawalan dan Penyeliaan Risiko Mudah Tunai di Malaysia

Krisis perbankan global 2023 menegaskan pentingnya institusi kewangan mengamalkan pengurusan risiko mudah tunai yang mantap

Inisiatif untuk memperkukuh daya tahan mudah tunai sektor kewangan

- Pengeluaran dokumen dasar mengenai Risiko Mudah Tunai
- Semakan tematik terhadap pelaksanaan dokumen dasar mengenai Nisbah Perlindungan Mudah Tunai dan Nisbah Pendanaan Stabil Bersih
- Penambahbaikan rangka kerja operasi BNM untuk melanjutkan bantuan mudah tunai
- Memperkukuh piawaian pengawalseliaan terhadap Risiko Kadar Faedah / Risiko Kadar Pulangan dalam Buku Perbankan
- Kerjasama dengan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia untuk menilai kecukupan dan kredibiliti pelan pemulihan bank

Rencana: Kemajuan dalam Memperkukuh Amalan Pengurusan Risiko Iklim

Institusi kewangan telah mencapai kemajuan yang berterusan dalam memperkukuh amalan pengurusan risiko iklim...

- Kemajuan paling ketara dalam amalan tadbir urus, dengan struktur tadbir urus dan pelaporan dalaman serta dasar yang dipertingkat
- Pertimbangan risiko iklim disepadukan dalam rangka kerja kelestarian, kesanggupan mengambil risiko dan strategi perniagaan yang sedia ada
- Menggunakan pendekatan kualitatif untuk memaklumkan dasar kesanggupan mengambil risiko dan pengurusan risiko, di samping membina keupayaan ke arah pendekatan yang lebih kuantitatif
- Analisis senario iklim jangka pendek yang menggabungkan peristiwa bencana alam
- Persediaan lanjutan untuk menghasilkan penzahiran selaras dengan TCFD[4]

...manakala keutamaan pengawalseliaan dan penyeliaan jangka terdekat akan memberikan tumpuan terhadap beberapa langkah penting

- Menangani pendekatan yang tidak sepadu untuk menguruskan risiko berkaitan iklim
- Memastikan institusi kewangan membangunkan pelan peralihan yang berwibawa
- Memastikan institusi kewangan menghasilkan penzahiran iklim yang memenuhi keperluan pelabur dan pihak berkepentingan

u Unjuran

[2] Risiko pasaran bagi bank termasuk kerugian penilaian semula bagi bon yang dipegang dalam portfolio nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain.
[3] Risiko kredit bagi penanggung insurans merujuk kerugian daripada kemungkiran bon korporat dan kemungkiran insurans semula.
[4] Pasukan Petugas Mengenai Penzahiran Kewangan Berkaitan Iklim (Task Force on Climate-Related Financial Disclosures, TCFD).

Sumber: Bank Negara Malaysia